

13/07/1999

Pelajar digesa kuasai teknologi maklumat

MUAR, Isnin - Setiap pelajar universiti tempatan wajar mempunyai sekurang-kurangnya kemahiran asas dalam bidang teknologi maklumat sebelum memasuki alam pekerjaan.

Kemahiran itu penting bagi memastikan mereka dapat menerokai persepektif baru bidang masing-masing secara lebih meluas dengan bantuan kecanggihan teknologi maklumat (IT) masa kini.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata universiti sewajarnya memastikan pelajarannya mempunyai kemahiran asas komputer serta multimedia.

"Usaha ini memerlukan universiti tempatan memikirkan supaya kita boleh mengikuti perubahan semasa dan tidak mengeluarkan siswazah yang tidak mempunyai asas atau latar belakang yang dapat memainkan peranan dalam IT.

"Graduan yang tidak tahu langsung mengenai IT sukar memperolehi ilmu baru dengan bantuan komputer dan ini menyebabkan mereka tidak dapat menyumbang kepada usaha membangunkan negara pada era maklumat," katanya.

Beliau yang juga Naib Presiden MCA memberitahu pemberita demikian selepas hadir di Majlis Jamuan MCA dekat Grisek malam tadi. Turut hadir Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan universiti tempatan mengenai keperluanpelajaran baru dan kursus yang relevan dengan teknologi maklumat yang menguasai dunia masa kini.

(END)